



## RMI lancar CVI

SINGAPURA, Ahad — Institut Pengurusan Risiko (RMI) di National University of Singapore (NUS) melancarkan Indeks Kerentanan Korporat (CVI).

NUS dalam satu kenyataan hari ini berkata indeks itu yang dikemas kini setiap hari dan boleh didapati secara percuma di [www.rmi-cri.org](http://www.rmi-cri.org), menyediakan petunjuk tepat masa persekitaran risiko kredit korporat.

"Ini adalah siri indeks baharu

yang merupakan petunjuk risiko kredit dalam rantau, ekonomi dan portfolio berbeza," kata universiti itu. Profesor Duan Jin-Chuan, pengarah NUS RMI dan Profesor Kewangan Cycle & Carriage di NUS berkata memandangkan keadaan tidak menentu ekonomi global, CVI itu boleh digunakan oleh media, industri kewangan dan ahli akademik dalam penilaian persekitaran ekonomi mereka.

— Bernama